



NOTIS PERINGATAN KEPADA SEMUA PEMILIK PREMIS
PERNIAGAAN DAN IKLAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (MBJB)
- GARIS PANDUAN PAPAN IKLAN PREMIS-

- SILA AMBIL PERHATIAN, dimaklumkan bahawa semua pemilik premis perniagaan dan iklan dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) hendaklah mematuhi Garis Panduan Papan Iklan Premis sebagaimana Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Iklan (MBJB) 2010 dan semua kandungan / visual papan iklan perlu mendapat pengesahan / kelulusan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Berikut merupakan contoh-contoh format paparan iklan yang dibenarkan dalam Pentadbiran MBJB:-



**GARIS PANDUAN
PAPAN IKLAN PREMIS
DALAM PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA
JOHOR BAHRU**

CONTOH PAPARAN IKLAN YANG DIBENARKAN



BIL	KANDUNGAN VISUAL	SAIZ
A	Aktiviti perniagaan	$\frac{3}{4} a$
B	Nama syarikat	a
C	Apa-apa tulisan dalam lain-lain bahasa	$\frac{1}{2} a$
D	No. Pendaftaran syarikat	$\frac{1}{4} a$

CONTOH PAPARAN IKLAN YANG DIBENARKAN

KANDUNGAN VISUAL YANG DIBENARKAN

The diagram shows a rectangular advertisement with a width of 20' and a height of 4'. The content is as follows:

- A**: KEDAI ELEKTRIK (3/4b)
- B**: SONY (b)
- C**: SYARIKAT WENG HUAT (3/4b)
- D**: 电信设备销售商 (1/2b)
- E**: JM007 [No. Pendaftaran] (1/4b)

BIL	KANDUNGAN VISUAL	SAIZ
A	Aktiviti perniagaan	$\frac{3}{4} b$
B	Jenama	b
C	Nama Syarikat	$\frac{3}{4} b$
D	Apa-apa tulisan dalam lain-lain bahasa	$\frac{1}{2} b$
E	No. Pendaftaran syarikat	$\frac{1}{4} b$

CONTOH PAPARAN IKLAN YANG DIBENARKAN

KANDUNGAN VISUAL YANG DIBENARKAN

20'

4'

KEDAI BARANGAN SUKAN 3/4c

HAN SENG SDN. BHD. c



3/4c

1/4c JM007 [No. Pendaftaran]

A

B

C

D

BIL	KANDUNGAN VISUAL	SAIZ
A	Aktiviti Perniagaan	$\frac{3}{4} c$
B	Nama Syarikat	c
C	Jenama	$\frac{3}{4} c$
D	No. Pendaftaran Syarikat	$\frac{1}{4} c$

**SYARAT BAGI
KANDUNGAN DAN
PERKATAAN DALAM
IKLAN SEBAGAIMANA
UNDANG-UNDANG KECIL
PELESENAN IKLAN
(MAJLIS BANDARAYA
JOHOR BAHRU) 2010**

1

Sesuatu perniagaan adalah diberi pilihan bagi jenis perkataan yang digunakan untuk dipamerkan pada papan iklan sama ada nama perniagaan atau jenama jualan yang mana saiz bagi perkataan itu hendaklah lebih besar daripada perkataan - perkataan lain pada papan iklan itu;

2

Hendaklah mengekalkan nama perniagaan yang mana didaftar dan ditulis dalam lain-lain Bahasa;

3

Bagi sesuatu perniagaan yang didaftar dalam Bahasa lain seperti Bahasa Cina atau Tamil atau lain-lain Bahasa, saiz huruf bagi iklan hendaklah tidak melebihi tiga per empat (3/4) saiz huruf nama perniagaan itu;

4

Sesuatu cap dagangan, logo, label dan slogan pada papan iklan pada sesuatu perniagaan hendaklah digunakan dengan kelulusan Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa;

5

Bahasa kebangsaan hendaklah digunapakai bagi semua jenis iklan sama ada secara sendiri atau Bersama-sama dengan apa – apa Bahasa lain;

6

Penggunaan perkataan, susunan ayat, ejaan, tatabahasa atau lain-lain kosa kata bagi Bahasa Kebangsaan di dalam sesuatu papan iklan perniagaan hendaklah betul dan tepat serta mendapat kelulusan daripada Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa;

7

Jika Majlis berpendapat bahawa Bahasa Kebangsaan telah tidak digunakan dengan betul dalam mana-mana iklan, Majlis boleh melalui Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa, memberikan notis secara bertulis mengarahkan mana-mana orang yang mempamerkan atau mendirikan iklan itu atau yang menyebabkan atau membenarkan iklan itu untuk dipamer atau didirikan, supaya meminda iklan itu untuk membetulkan kesilapan mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan didalam notis itu oleh Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa

Semua kandungan /
visual papan iklan
perlulah mendapat
kelulusan Dewan
Bahasa dan Pustaka
(DBP)

